

12 MAR 2000

Umno-Calon (Rangkuman)

PAK LAH LAYAK BERTANDING TIMBALAN PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Kesemua 26 bahagian Umno yang mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing sebagai presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Jumlah pencalonan yang diperolehi kedua-dua tokoh itu setakat ini ialah 47.

Ini juga bermakna Abdullah layak bertanding kerana bilangan pencalonan yang diterimanya melebihi jumlah yang ditetapkan iaitu 33.

Dr Mahathir pula memerlukan hanya tiga lagi pencalonan bagi membolehkan beliau bertanding untuk mengekalkan jawatan presiden Umno.

Beliau bagaimanapun dijangka tidak akan menghadapi sebarang masalah untuk melayakkan diri memandangkan lebih 100 lagi bahagian masih belum mengadakan mesyuarat masing-masing.

Sementara itu, Tengku Razaleigh Hamzah, yang dicalonkan oleh bahagian Tanah Merah sebagai presiden dan timbalan presiden, hari ini tidak menerima sebarang pencalonan untuk kedua-dua jawatan tertinggi parti itu.

Bagi jawatan naib presiden pula, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak yang hari ini menerima 24 lagi pencalonan, terus mendahului dengan jumlah keseluruhan 45 setakat ini.

Najib diikuti Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dengan 29 pencalonan setelah 15 lagi bahagian memilih beliau.

Kedua-dua mereka telah melayakkan diri setelah melepasi syarat kelayakan 17 pencalonan.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar menduduki tempat ketiga dengan 16 pencalonan iaitu tambahan 10 pencalonan yang diperolehinya hari ini.

Lain-lain pencalonan bagi jawatan naib presiden ialah Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam (12), Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar (11), Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Isa Samad (10), Tan Sri Muhammad Muhamad Taib (8), Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim (5), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin (3), Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (2) dan Tengku Razaleigh Hamzah (2).

Bagi jawatan ketua Pergerakan Pemuda, pemangku Ketuanya Datuk Hishammuddin Hussein terus unggul dengan 75 pencalonan, penambahan sebanyak 15 pencalonan hari ini.

Raja Munir Shah Raja Mustapha kekal dengan satu pencalonan yang diperolehinya sebelum ini untuk jawatan ketua Pemuda.

Exco pergerakan itu Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir pula mendahului senarai pencalonan bagi jawatan naib ketua dengan 59 bahagian memilihnya.

Seorang lagi exco pergerakan itu Zein Isma Ismail memperolehi 13 pencalonan, Mustapha Khalid (3) dan Zahidi Zainul Abidin (1).

Bagi jawatan ketua Pergerakan Wanita pula, Datuk Seri Rafidah Aziz mendahului penyandang jawatan itu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dengan 43 pencalonan berbanding 28.

Seorang calon bagi jawatan itu perlu mendapat 33 pencalonan untuk layak bertanding.

Datuk Shahrizat Abdul Jalil, yang telahpun melayakkan diri bertanding sebagai naib ketua Wanita, hari ini mendapat 11 lagi pencalonan menjadikan 42.

Ainon Khairiyah Mohd Abas pula mendapat 22 pencalonan, kurang tiga

untuk melayakkan diri merebut jawatan itu manakala Datuk Napsiah Omar setakat ini mendapat tujuh pencalonan.

-- BERNAMA
MAM AKT LAT